SAMPEL PERCUMA

Soalan Percubaan STPM 2020 Bahasa Melayu Penggal 1 + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [20 markah]

*Jawab **semua** soalan*

Keluarga bahasa ini meliputi Kepulauan Madagaskar hingga Mikronesia dan Farmosa. Jumlah bahasa yang terdapat di dalamnya antara 150 hingga 200 bahasa.

1. Yang manakah keluarga bahasa yang dikaitkan dengan pernyataan di atas?

   A Polinesia C Mikronesia

   B Melanesia D Nusantara

2. Yang berikut merupakan bukti penggunaan bahasa Melayu pada zaman Kerajaan Sriwijaya **kecuali**

   A Batu bersurat di Gandasuli

   B Patung Gangsa di Padang Lawas

   C Patung di Padang Roco,Batanghari

   D Batu bersurat di Pagar Ruyung,Minangkabau

P	▪ Ditulis atas arahan pemerintah. ▪ Banyak mengandungi unsur bahasa dari India. ▪ Menjadi bukti bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dalam urusan pentadbiran kerajaan

3 P merujuk kepada batu bersurat

   I di Talang Tuwo III di Pagar Ruyung

   II di Karang Brahi IV di Minye Tujuh

   A I dan II C II dan III

   B I dan IV D III dan IV

4 Yang manakah pernyataan yang menunjukkan sifat bahasa Melayu kuno yang mudah menerima pengaruh bahasa luar?

   A Sistem bahasa Melayu bersifat terbuka dan dinamik

   B Bahasa Melayu kuno berfungsi sebagai lingua franca

   C Korpus bahasa Melayu kuno masih belum mencukupi

   D Bahasa Melayu kuno belum mempunyai nahunya yang tersendiri

	Tokoh	**Hasil Karya**
I	Raja Ali Haji	Bustanul-Katibin
II	Zainal Abidin bin Ahmad	Jalan Bahasa Melayu
III	Dato' Haji Mohd. Said bin Sulaiman	Daftar Ejaan Melayu
IV	Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi	Syair Singapura Terbakar

5 Yang manakah padanan yang betul antara tokoh dengan hasil karyanya?

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

6 Apakah tujuan utama perancangan taraf?

A Untuk memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

B Untuk meningkatkan kemahiran masyarakat berbahasa Melayu

C Untuk menyeragamkan penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat

D Untuk meningkatkan taraf penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat

x	▪ Usaha mengembangkan bahasa supaya tercapai keadaan saling terjemah ▪ Pembentukan istilah-istilah baharu oleh satu badan khas ▪ Pertambahan laras bahasa berlaku melalui usaha x

7 Apakah usaha x?

A Penilaian

B Pemupukan

C Pengekodan

D Perancangan Bahasa

Perkataan mengandungi vokal yang semasa penyebutannya berlaku penurunan lelangit lembut dan anak tekak tetapi tidaklah sehingga menutup rongga mulut

11 Pada perkataan manakah terdapat bunyi vokal yang terhasil seperti di atas?

A Mempunyai

B Ketumbar

C Tembelang

D Selongkar

X	Diftong
Y	Vokal rangkap

12 Yang manakah padanan yang betul bagi perkataan yang mengandungi X dan Y

	X	Y
A	Belai	Raut
B	Pulau	Salai
C	Relai	Saudagar
D	Kaut	Sepoi

I Letupan lelangit lembut tak bersuara

II Letupan dua bibir bersuara

III Geseran gusi tak bersuara

13 Yang manakah perkataan yang mengandungi konsonan mengikut susunan di atas?

A Tetas

B Cetus

C Kebas

D Gebar

Bahagian B [30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Berlaku kebanjiran iklan dalam media yang memperkenalkan pelbagai jenis produk kesihatan dan kecantikan , bermula daripada kesihatan luaran seperti keperluan tenaga harian dan mengekalkan suhu badan sehinggalah kepada produk kesihatan dalaman seperti menyokong pertumbuhan badan dan kesihatan intim. Produk kesihatan seperti yang dikatakan amat terkenal di Korea semakin dipersoalkan status kelebihan dan khasiat yang ditawarkan. Sehubungan dengan itu, pelbagai pendapat dinyatakan oleh warga siber mengenai isu ini. Rata-rata menyatakan ketidakpuasan hati terhadap isu pengiklanan palsu di media massa, baik di media cetak (surat khabar, majalah atau risalah), media elektronik (televisyen dan radio), mahupun yang terkini dalam media baharu seperti media sosial atau laman sesawang. Kaedah pemasaran
produk yang keterlaluan dan tidak masuk akal sering kali mempengaruhi pengguna terutama bagi mereka yang taasub terhadap kecantikan dan kesihatan. Isu tersebut turut mendapat perhatian pakar bedah, Dr. Nur Amalina Che Bakri, yang kerap berkongsi dan mendidik masyarakat tentang kesedaran kesihatan menerusi beberapa platform media sosial miliknya.

Baru-baru ini, Dr. Nur Amalina sekali lagi berang terhadap iklan produk kecantikan dan kesihatan yang kini banyak dihasilkan untuk menarik perhatian masyarakat. Beliau dengan tegasnya menyelar tindakan usahawan atau syarikat yang memanipulasikan kelemahan sesetengah pengguna dengan menghasilkan iklan kesihatan dan kecantikan yang tidak bertanggungjawab. Beliau berpendapat bahawa masih banyak produk yang boleh membahayakan kesihatan pengguna, tanpa menolak wujudnya produk kesihatan yang bagus dan baik untuk kesihatan. Bagi situasi ini, pengguna perlulah bijak menilai kesahihan inti pati dan khasiat sesuatu barangan sebelum membelinya. Berikutan kes yang semakin banyak dirujuk kepada pihaknya, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia menyifatkan pengguna di Malaysia terlalu mudah mempercayai tawaran peniaga dalam talian. Hal tersebut membuktikan kesedaran dan kepekaan pengguna di negara ini masih rendah. Para pengguna mudah terpedaya dengan taktik promosi yang diiklankan. Sebagai contoh, iklan promosi kecantikan termurah yang mendorong pengguna untuk segera mendapat rawatan kecantikan pada harga yang ditawarkan, sedangkan terdapat bayaran tersembunyi yang tidak disedari oleh pengguna.

Kementerian Kesihatan Malaysia turut meluahkan perasaan kecewa terhadap penglibatan pihak yang tidak bertanggungjawab dalam mengiklankan pelbagai produk kesihatan secara haram melalui media cetak, elektronik, internet, di tiang lampu dan pengedaran risalah di tempat tumpuan awam. Antara iklan yang ditawarkan termasuklah penawar kanser 100 peratus, rawatan segera penyakit kencing manis, penurunan berat badan drastik, peningkatan prestasi seksual, malahan sering memuatkan perkataan yang tidak sopan atau berunsur lucah semata-mata untuk mempengaruhi pengguna bagi membeli produk mereka.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Elak Jadi Mangsa Iklan Dusta*, Dewan Masyarakat Bil 2 2020)

21. Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan maksud frasa yang berikut:

(a) … taasub terhadap kecantikan dan kesihatan. [1]
(b) … memanipulasikan kelemahan sesetengah pengguna… [1]

22. Nyatakan empat jenis produk kesihatan yang popular dalam kalangan pengguna. [4]

23. Nyatakan empat contoh iklan secara haram yang melibatkan pihak yang tidak bertanggungjawab. [4]

24.

"Berlaku kebanjiran iklan dalam media yang memperkenalkan pelbagai jenis produk kesihatan dan kecantikan…"

Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh dilakukan oleh pengguna sekiranya ingin membeli produk kesihatan dan kecantikan yang terdapat di pasaran? Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

[20]

Bahagian C [50 markah]

*Tulis **sebuah** karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

25 Kini, amalan makan di luar khususnya di restoran makanan segera sudah menjadi kelaziman dalam kalangan masyarakat di negara ini. Pada pendapat anda, apakah punca yang menarik minat orang ramai untuk menikmati hidangan di tempat tersebut, dan apakah pula kesan buruknya? Huraikan punca dan kesan tersebut.

27 "Keruntuhan institusi keluarga berpunca daripada aspek kewangan." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

Skema Jawapan Bahasa Melayu Penggal 1 STPM 2020

Bahagian A

1. D	6. D	11. A	16. C
2. D	7. B	12. A	17. D
3. A	8. C	13. C	18. D
4. A	9. B	14. B	19. D
5. B	10.C	15. B	20. B

Bahagian B

21. Skema Jawapan

(a) Keyakinan yang berlebihan terhadap keelokan/kemolekan dan kesihatan [1]

(b) Mempengaruhi kekurangan sesetengah pengguna [1]

22. Skema Jawapan

kesihatan luaran [1] contohnya keperluan tenaga harian dan mengekalkan suhu badan [1] produk kesihatan dalaman [1] contohnya menyokong pertumbuhan badan dan kesihatan intim [1]

[4]

23. Skema Jawapan

penawar kanser 100 peratus [1], rawatan segera penyakit kencing manis [1], penurunan berat badan drastik[1],peningkatan prestasi seksual[1]

[4]

24. Skema Pemarkahan

1. **Pembahagian markah adalah seperti yang berikut:**

Aspek	***Markah***
Isi	*15 (3 isi x 5 markah)*
Bahasa	*5*
Jumlah	***20***

2. Pembahagian markah bagi **isi** dan **bahasa** adalah seperti yang berikut:

(a) Isi (3 isi x 5 markah = 15 markah**)**

Aspek	Markah	Kriteria
Isi utama (IU)	2	Isi tepat, lengkap, dan jelas
	1	Isi kurang tepat, kurang lengkap, dan kurang jelas.
Huraian isi utama	1	Relevan dengan IU
Contoh / huraian lanjut	1	Relevan dengan IU
Huraian contoh/lanjutan	1	Relevan dengan contoh dan IU
Jumlah	**5**	Isi tepat, lengkap, dengan huraian dan contoh

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar